



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**ARAHAN PENTADBIRAN KEWANGAN
IBU PEJABAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**BORANG KEBENARAN
MENJALANKAN TUGASAN RASMI
DI LUAR IBU PEJABAT
- LAMPIRAN A**

1 SEPTEMBER 2023

ARAHAN PENTADBIRAN KEWANGAN
IBU PEJABAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BILANGAN 1 TAHUN 2023
BORANG KEBENARAN MENJALANKAN TUGASAN RASMI
DI LUAR IBU PEJABAT – LAMPIRAN A

1. TUJUAN

Arahan Pentadbiran Kewangan ini bertujuan menambahbaik **Borang Kebenaran Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Ibu Pejabat – Lampiran A** bagi pegawai di Ibu Pejabat Kementerian Dalam Negeri (IP KDN). Kelulusan kebenaran menjalankan tugas rasmi di luar pejabat ini amat diperlukan bagi menentukan kaedah perjalanan pegawai yang menjimatkan berdasarkan peruntukan Bahagian yang disediakan pada tahun semasa mencukupi.

2. TAFSIRAN

- 2.1 Bagi tujuan Arahan Pentadbiran ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
- (a) "Pegawai" bermakna seseorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan di Ibu Pejabat dan Negeri termasuk yang dilantik secara tetap dan sementara; dan
 - (b) "Kebenaran untuk meninggalkan pejabat bagi menjalankan tugas rasmi / kursus di luar ibu pejabat" bermakna kebenaran yang diberi oleh Pegawai Pelulus kepada seseorang pegawai untuk meninggalkan tugasnya dalam tempoh waktu bekerja di luar kawasan tempat bekerja biasa seseorang pegawai.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1 - Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam di para 3.16 telah menetapkan bahawa semua perjalanan bertugas rasmi di dalam negeri hendaklah dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar perlu sahaja dengan bilangan pegawai yang minima dan kaedah perjalanan yang menjimatkan. Contoh langkah yang boleh dilaksanakan adalah menjadual semula dan menghimpunkan mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan penyertaan ramai pegawai yang sama di luar ibu pejabat.

ARAHAN PENTADBIRAN KEWANGAN
IBU PEJABAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BILANGAN 1 TAHUN 2023
BORANG KEBENARAN MENJALANKAN TUGAS RASMI
DI LUAR IBU PEJABAT – LAMPIRAN A

- 3.2 Manakala, Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis) di para 5.7 menjelaskan pengiraan elaun perjalanan bagi penggunaan kenderaan sendiri, kenderaan yang disediakan Kerajaan (Kereta Rasmi Jawatan dan Kenderaan Jabatan), kapal terbang (Waran Perjalanan Udara Awam) dan lain-lain.
- 3.3 Pada masa ini, pegawai yang ingin melakukan perjalanan perlu mengisi Borang Kebenaran Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Ibu Pejabat – Lampiran A dengan mendapatkan kebenaran daripada Pegawai Pelulus tanpa sokongan Pegawai Penyokong.

4. PENAMBAHBAIKAN

- 4.1 Sebagai langkah penambahbaikan, pegawai yang ingin melakukan sesuatu perjalanan bagi urusan rasmi / kursus perlu mendapatkan kebenaran daripada Pegawai Penyokong dan Ketua Jabatan/Pegawai Pelulus terlebih dahulu seperti ketetapan berikut:

PEMOHON	PENYOKONG	PELULUS
SUB	TKSU	KSU
TSUB	SUB	TKSU
Lain-lain Pegawai	TSUB/KPSU/ PENYELIA	SUB/SUSK/ PENGARAH

- 4.2 Borang Kebenaran Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Ibu Pejabat yang telah ditambahbaik adalah seperti di **Lampiran A**. Permohonan kebenaran untuk meninggalkan pejabat bagi menjalankan tugas rasmi adalah melibatkan perkara seperti yang berikut:
 - (a) Permohonan menggunakan kenderaan sendiri bagi perjalanan melebihi 240 km (selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan dalam WP1.4);

ARAHAN PENTADBIRAN KEWANGAN
IBU PEJABAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BILANGAN 1 TAHUN 2023
BORANG KEBENARAN MENJALANKAN TUGASAN RASMI
DI LUAR IBU PEJABAT – LAMPIRAN A

- (b) Permohonan menggunakan perkhidmatan kapal terbang;
atau
- (c) Kelulusan daripada Pegawai Pelulus bagi tujuan tuntutan
perjalanan (sama ada mengikut elauan hitungan
batu/tuntutan bekalan bahan api, gantian kapal terbang).
- 4.3 Borang kebenaran ini juga menjadi punca kuasa kepada Bahagian Kewangan (KW) untuk menyemak dan memperakurkan bayaran bagi tuntutan perjalanan dan lain-lain tuntutan berdasarkan cara perjalanan yang diluluskan oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pelulus. Pada masa sama, ia juga memboleh dan memudahkan Bahagian KW untuk menguruskan pengeluaran waran perjalanan udara awam (WPUA) kepada pegawai dan seterusnya mengelak kejadian “no-show passengers” dan tuntutan bayaran balik (*refund*) pembelian tiket penerbangan.

5. TARIKH KUATKUASA

Arahan Pentadbiran Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta-merta mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.



(DATUK HAJI RUJI BIN HAJI UBI)

Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

Tarikh : 0 | September 2023